

# UMSKAL anjur pertandingan video infografik seni warisan rakyat Malaysia

UB 20.12.2021 P.02

**LABUAN:** Kursus Kokurikulum Tarian Rakyat (EA01603) Semester I Sesi 2021/2022 Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antara bangsa Labuan (UMSKAL) menganjurkan Pertandingan Video Infografik Seni Warisan Rakyat Malaysia pada 11 Disember lalu secara dalam talian.

Pertandingan itu disertai seramai 12 peserta yang mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS) dua penyertaan, UMSKAL, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Skudai Johor, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar, Bukit Mertajam High School, Fakulti Kewangan Antara bangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Turut menyertai pertandingan itu ialah Kota Kinabalu High School, Uni-

versiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan orang awam.

Ketua Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMSKAL, Gabriel Moinjil berkata, pertandingan video infografik berkenaan dengan seni warisan rakyat di Malaysia adalah julung kalinya dilaksanakan di UMSKAL.

Katanya, ia sebagai satu pendekatan yang diambil oleh Kursus Kokurikulum Tarian Rakyat di bawah PKPP bagi meningkatkan pengetahuan pelajar dan masyarakat terhadap seni warisan yang terdapat di Malaysia.

Menurutnya, rasional program ini adalah mengambil kira adanya seni warisan yang unik yang terdapat di negara kita dan semakin dilupakan oleh generasi muda di Malaysia,” katanya.

kurangnya pendedahan dan sikap tidak ingin tahu.

Beliau berkata, dengan adanya pertandingan secara dalam talian dilaksanakan, video seni warisan rakyat Malaysia dapat direkodkan dan ditonton pada masa akan datang melalui media sosial seperti YouTube.

“Objektif pertandingan itu ialah meningkatkan pengetahuan peserta dan masyarakat berkenaan warisan seni pelbagai etnik yang terdapat di Malaysia.

“Selain itu, membina dan meningkatkan minat, kreativiti, kebolehan dan potensi peserta dalam penyediaan video seni dan warisan.

“Pada masa sama, meningkatkan kesedaran berkenaan kepentingan memelihara seni warisan pelbagai etnik yang semakin dilupakan oleh generasi muda di Malaysia,” katanya.

Gabriel berkata, selain untuk mencapai objektif program, para pelajar juga dapat mempelajari kaedah untuk penganjuran program dan aktiviti walaupun dilaksanakan secara dalam talian.

Turut hadir, Jurulatih Kursus Kokurikulum Tarian Rakyat Semester 1 Sesi 2021/2022 Mas Adi Alimin dan Pengarah Projek Abiezer Aaron Mawilis.

Tiga hakim yang berpengalaman dari UMSKAL mengadili pertandingan itu.

Pada pertandingan itu, pelajar IKBN Seri Iskandar Dannyraj Palaraman muncul johan diikuti naib johan Dishaherra Kassun dari UMS dan ketiga pelajar English College Vibushanen Palanival.

Kesemua mereka menerima hadiah wang tunai dan sijil, manakala peserta lain menerima sijil penyertaan.